



## AMALAN TADBIR URUS BAIK DI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH DALAM ASPEK INTEGRITI DARI PERSPEKTIF MAQASID SYARIAH: SATU SOROTAN LITERATUR

*GOOD GOVERNANCE PRACTICES AT UNIVERSITI MALAYSIA SABAH IN THE  
ASPECT OF INTEGRITY FROM THE PERSPECTIVE OF MAQASID SHARIAH: A  
LITERATURE REVIEW*

Noor Kasyfe Aidi<sup>1\*</sup>, Habibah @ Artini Ramlie<sup>2</sup>, Sarip Adul<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia  
Email: kasyfe@ums.edu.my

<sup>2</sup> Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia  
Email: habibah\_artini@ums.edu.my

<sup>3</sup> Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia  
Email: sarip@uum.edu.my

\* Corresponding Author

### Article Info:

#### Article history:

Received date: 27.03.2025

Revised date: 17.04.2025

Accepted date: 27.05.2025

Published date: 30.06.2025

#### To cite this document:

Aidi, N. K., Ramlie, H. A., & Adul, S. (2025). Amalan Tadbir Urus Baik Di Universiti Malaysia Sabah Dalam Aspek Integriti Dari Perspektif Maqasid Syariah: Satu Sorotan Literatur. *International Journal of Law, Government and Communication*, 10 (40), 671-680.

DOI: 10.35631/IJLGC.1040046

### Abstrak:

Kajian ini membincangkan hubungan amalan tadbir urus baik dalam aspek integriti dengan prinsip-prinsip maqasid syariah di Universiti Malaysia Sabah. Isu tadbir urus sedang hangat diperbincangkan pada masa kini. Universiti Malaysia Sabah sebagai salah satu institusi pendidikan tinggi awam di Malaysia juga menghadapi isu dan permasalahan dalam sistem tadbir urusnya. Oleh itu, kajian ini berasaskan pandangan berhubung sistem pengurusan Islam yang mengetengahkan konsep tadbir urus baik yang memenuhi maslahah dan menjauhi maf sadah. Objektif kajian ini adalah mengkaji sejauh mana amalan tadbir urus baik yang diamalkan di institusi ini seiring dengan prinsip-prinsip maqasid syariah dan mengenal pasti pengaruh yang wujud melalui aspek integriti dalam memberi kesan kepada pencapaian visi, misi dan hala tuju institusi yang telah ditetapkan. Kajian menggunakan pendekatan campuran secara kualitatif dan kuantitatif untuk menganalisis cabaran dalam melaksanakan amalan tadbir urus baik di institusi ini seiring dengan prinsip-prinsip maqasid syariah. Kajian ini juga mengungkap gaya kepimpinan Rasulullah S.A.W dan Khulafa' Ar-Rasyidin sebagai contoh teladan dalam mengaplikasikan maqasid syariah dalam pentadbiran Islam khususnya. Oleh itu, kajian ini dijangka akan dapat memberi impak kepada urus tadbir baik Universiti Malaysia Sabah khususnya dan Institusi Pendidikan di Malaysia

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



amnya kerana maqasid syariah ditonjolkan sebagai elemen yang perlu dipenuhi bagi memperoleh keseimbangan dalam urus tadbir sesebuah organisasi

#### Kata Kunci:

Tadbir Urus, Integriti, Pengurusan Kualiti, Maqasid Syariah

#### Abstract:

This study explores the relationship between good governance practices in the aspect of integrity and the principles of Maqasid Syariah at Universiti Malaysia Sabah. Governance issues have increasingly become a focal point of contemporary discourse, and as a public higher education institution, Universiti Malaysia Sabah also faces governance-related challenges. Grounded in Islamic management perspectives, this study emphasizes the concept of good governance that upholds maslahah (public interest) and avoids mafsat (harm). The main objective is to examine the extent to which good governance practices at the institution align with Maqasid Syariah principles, and to identify the influence of integrity in shaping the achievement of the institution's vision, mission, and strategic direction. A mixed-method approach, incorporating both qualitative and quantitative data, is employed to analyze the challenges in implementing governance practices consistent with Maqasid Syariah. The study also highlights the leadership styles of Prophet Muhammad (PBUH) and the Khulafa' al-Rashidin as exemplary models in applying Maqasid Syariah in Islamic administration. Ultimately, this study is expected to contribute significantly to enhancing good governance at Universiti Malaysia Sabah and other educational institutions in Malaysia by positioning Maqasid Syariah as a key element in achieving balanced and effective organizational governance.

#### Keywords:

Governance, Integrity, Quality Management, Maqasid Shariah

## Pendahuluan

Islam telah menjadikan gaya pentadbiran dan kepimpinan Rasulullah S.A.W sebagai contoh teladan sepanjang zaman dalam aspek pengurusan tadbir urus dalam sesebuah organisasi. Kepimpinan baginda terbukti apabila Islam berjaya disebarluaskan sehingga terbentuknya suatu kerajaan yang gemilang sehingga ke saat ini. Keunggulan kepimpinan ini terserlah dengan mementingkan kesejahteraan hidup umat manusia sehingga terhasilnya prinsip-prinsip maqasid syariah. Seiring dengan aspirasi kerajaan untuk memperkasa sektor pendidikan tinggi negara, universiti awam seperti UMS bertanggungjawab memastikan amalan tadbir urus dilaksanakan secara telus, cekap dan berintegriti. Hasil audit terdahulu menunjukkan wujudnya kelemahan dalam pengurusan perolehan, akaun amanah, dan aset universiti. Terdapat ketidakpatuhan terhadap prosedur perolehan yang membuka ruang kepada kemungkinan ketirisan dan pembaziran. Selain itu, kawalan dalaman terhadap pengurusan aset dan stor didapati tidak mencukupi, dan ini berpotensi meningkatkan risiko kehilangan atau pembaziran sumber universiti. Tindakan pemulihan yang dicadangkan termasuk penggunaan sistem maklumat bersepadan untuk pemantauan perbelanjaan dan audit dalaman yang lebih kerap. Oleh itu, UMS telah memperkenalkan Senarai Semak Pelaksanaan Tadbir Urus Baik yang merangkumi sepuluh prinsip utama termasuk pengurusan risiko, kawalan dalaman, pengurusan modal insan dan pengurusan aduan sejak tahun 2019. Walau bagaimanapun, pelaksanaan

inisiatif ini menghadapi pelbagai cabaran, terutamanya berkaitan integriti dalam pengurusan aduan, ketelusan pelaporan dan pematuhan terhadap piawaian sistem pengurusan kualiti. Kajian oleh Rozaina Ali et al. (2023) menunjukkan bahawa Customer Satisfaction Index (CSI) bagi Biro Pengaduan Awam (BPA) Malaysia meningkat secara konsisten antara 2016–2021, membuktikan bahawa sistem aduan yang efisien secara nyata memperbaiki persepsi dan keyakinan masyarakat terhadap agensi kerajaan.

Dalam konteks Islam, integriti bukan sekadar amalan pentadbiran, tetapi merupakan manifestasi nilai amanah dan maslahah (kemaslahatan umum). Prinsip Maqasid Syariah, yang merangkumi pemeliharaan agama (din), nyawa (nafs), akal (aql), keturunan (nasb), dan harta (mal) menjadi panduan utama dalam mengukur keberkesanan tadbir urus yang bersifat etika dan berorientasikan nilai. Sistem pengurusan Islam merupakan satu sistem yang menguruskan kehidupan manusia melalui falsafah dan prinsip Islam yang lengkap (syumul). Sistem pengurusan Islam bertujuan untuk mewujudkan perkhidmatan yang cekap bagi memastikan jaminan keselamatan, keadilan sosial, keamanan serta kestabilan yang baik dalam kalangan masyarakat. Dalam konteks pengurusan Islam, salah satu proses yang utama adalah proses tadbir urus baik dalam memastikan sesebuah organisasi itu dapat dikelolakan dengan baik dan teratur (Abdul Rahman, et al., 2020).

Secara umumnya, tadbir urus baik (good governance) memberikan penekanan kepada aspek nilai, menerima tingkah laku pentadbiran yang baik dan menolak tindakan yang tidak beretika atau boleh dipersoalkan (Aziz et. al, 2019). Beberapa kajian mendapati prinsip akauntabiliti adalah komponen yang utama dalam tadbir urus baik. Menurut Habibullah et. al., (2016), asas tadbir urus baik adalah untuk memperkasakan akauntabiliti dan ketelusan dalam sesebuah organisasi. Prinsip kedua adalah efektif dan efisyen. Organisasi boleh mempunyai sistem yang dinamik, cepat dan tepat melalui penggunaan sumber yang minimal dengan produktiviti yang maksima.

Antara elemen utama lain yang dititikberatkan dalam tadbir urus baik adalah elemen integriti. Islam mempunyai formulanya yang tersendiri dalam melahirkan pemimpin yang berintegriti. Ia merujuk kepada dasar takwa yang dituntut agar dimiliki oleh setiap individu sehingga Allah S.W.T menjadikan sifat taqwa sebagai pembeza antara sesama manusia. Seiring dengan firman Allah S.W.T yang menyebut:

يَأَيُّهَا الْدِّينُونَ إِمْنُوا اللَّهُ حَقًّا ثُقُّتُهُ وَلَا تَمُؤْنُنَّ أَلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ

Maksud: ‘Wahai orang yang beriman!, bertakwalah kamu kepada Allah S.W.T dengan sebenar-benar taqwa dan janganlah sesekali kamu mati melainkan dalam keadaan Islam’ (Surat Ali Imran: 102).

Melalui keterangan dan definisi yang disebutkan pada kebanyakan kajian yang lepas, telah jelas bahawa elemen akauntabiliti dan integriti amat penting diaplikasikan ke dalam tadbir urus baik sesebuah organisasi terutamanya bagi organisasi atau entiti yang beroperasi dalam kalangan masyarakat Islam. Kajian ini seterusnya meneliti bagaimana prinsip Maqasid Syariah boleh menjadi kayu ukur dalam menilai keberkesanan dan integriti dalam tadbir urus universiti, dan seterusnya menyumbang kepada pembangunan model tadbir urus bersepadu berasaskan nilai Islam. Terdapat kajian yang mengkaji secara terperinci berhubung isu tadbir urus baik di institusi pengajian tinggi. Menurut Ismail, (2015) masih terdapat banyak ruang yang boleh diterokai untuk mewujudkan sistem tadbir urus dan pengurusan kualiti terbaik. Tadbir urus

insan mempunyai falsafahnya yang tersendiri dan memerlukan kefahaman yang baik terutamanya kepada falsafah pendidikan Islam. Selain itu, pembudayaan negara yang menitikberatkan ciri dan nilai Islam pada masa kini menunjukkan bahawa, keperluan terhadap institusi pendidikan perlu diberi nafas baru bahkan dapat membebaskan pemikiran manusia terhadap pelbagai pemikiran serta teori yang tidak selari dengan nilai dan prinsip kemanusiaan sepetimana pengurusan barat yang bersifat dualisme dalam banyak hal (Nur Shahiza et. al, 2014).

Kajian Rabiatu Adawiah et. al (2019) menyatakan bahawa aspek urus tadbir perlu sentiasa selari dengan maqasid syariah. Ini dijelaskan melalui kajian yang dijalankan mendapati prinsip maqasid syariah yang lima iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta dapat dicapai dengan menjalankan urus tadbir dengan baik yang meliputi tatacara, struktur dan proses urusan yang berlaku dengan melibatkan pelbagai pihak. Oleh itu, kajian ini terletak pada keperluan untuk menilai semula pelaksanaan integriti dalam tadbir urus universiti dengan menempatkan prinsip Maqasid Syariah sebagai asas penilaian dan cadangan penambahbaikan. Kajian ini turut menyasarkan penghasilan model tadbir urus yang bersepada dan berpaksikan nilai Islam, khususnya dalam konteks institusi pendidikan tinggi Malaysia.

### ***Objektif Kajian***

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- a) Mengenal pasti tahap pelaksanaan integriti dalam tadbir urus di UMS.
- b) Menganalisis cabaran dan kekangan dalam pelaksanaan integriti berdasarkan laporan dalaman dan persepsi *stakeholders*.
- c) Menilai pelaksanaan tadbir urus baik berdasarkan prinsip-prinsip Maqasid Syariah.
- d) Mencadangkan kerangka penambahbaikan tadbir urus berdasarkan nilai integriti dan Maqasid Syariah.

### ***Skop Kajian***

Kajian ini dijalankan dalam konteks Universiti Malaysia Sabah (UMS), sebuah institusi pengajian tinggi awam di Malaysia Timur yang berperanan besar dalam penyampaian pendidikan tinggi serta pembangunan masyarakat setempat. Fokus utama kajian ini adalah untuk meneliti isu-isu tadbir urus dan pengurusan kualiti di UMS, khususnya berkaitan pengurusan aduan, pengurusan risiko strategik dan operasi, serta isu kebijakan asas pelajar. Kajian ini tertumpu kepada struktur dan amalan pentadbiran di peringkat pusat tanggungjawab (PTJ) yang terlibat secara langsung dalam proses pengurusan aduan, risiko dan kebijakan pelajar. Sekiranya data empirikal dikumpulkan, responden kajian akan terdiri daripada pengurus atasan, penyelaras pengurusan kualiti, pegawai kanan pentadbiran, serta wakil pelajar yang terlibat secara langsung dengan isu-isu berkenaan.

Sehubungan dengan itu, kajian ini hanya akan tertumpu kepada responden – responden yang terdiri daripada kumpulan pengurusan dan professional dan semua kumpulan sokongan di beberapa buah fakulti dan sektor utama di Institusi ini. Organisasi kecil di bawah institusi ini merupakan organisasi yang menggerakkan sistem pengurusan dan pentadbiran di Universiti Malaysia Sabah. Fakulti dan sektor yang dipilih merupakan penggerak ke arah mencapai matlamat yang telah ditentukan oleh pihak institusi ini.

### **Skop Kajian**

Kajian ini dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan oleh program pengajian, serta bergantung kepada sumber kewangan dan keupayaan penyelidik secara individu. Keterbatasan ini boleh mempengaruhi keluasan pengumpulan data dan skop analisis.

Walaupun kerangka Maqasid Syariah digunakan sebagai asas penilaian etika dan nilai dalam tadbir urus, tafsiran terhadap prinsip maqasid mungkin berbeza antara pengkaji, institusi dan aliran pemikiran Islam yang pelbagai. Justeru, dapatan kajian ini lebih menjurus kepada penerapan maqasid dalam konteks pengurusan institusi, bukan dalam konteks hukum syarak secara literal.

### **Tinjauan Literatur**

Banyak pendapat yang telah dibincangkan pada kajian terdahulu bagi memastikan sesuatu pentadbiran organisasi menepati maqasid syariah dalam menjamin kesejahteraan agama, nyawa, keturunan, akal dan harta benda. Antara amalan tadbir urus yang telah diwariskan buat umat Islam adalah seperti sunnah tadbir urus kepimpinan Rasulullah S.A.W dan tadbir urus negara acuan Khulafa' al-Rasyidin yang boleh dijadikan teladan dan contoh dalam implementasi urus tadbir masa kini.

### **Definisi, Konsep Dan Teori Maqasid Syariah**

Maqasid Syariah merujuk kepada objektif, tujuan atau hikmah yang ingin dicapai oleh syariah Islam dalam setiap pensyariatan hukum. Istilah ini berasal daripada kata dasar Arab *maqṣid* (مقصد), yang bermaksud "tujuan" atau "matlamat", dan *al-shārī'ah* (الشريعة), yang merujuk kepada sistem hukum Islam yang berdasarkan wahyu. Menurut al-Shātibī (w. 790H), seorang tokoh utama dalam perbahasan maqasid, maqasid syariah adalah "tujuan-tujuan yang digariskan oleh syariah demi merealisasikan maslahah (kebaikan) manusia dan menolak mafasadah (kemudaran) dalam semua aspek kehidupan manusia." (al-Shātibī, al-Muwāfaqāt, jil. 2). Definisi kontemporari pula diberikan oleh Yusuf al-Qaradawi yang menyatakan bahawa maqasid syariah ialah "matlamat-matlamat agung yang ingin dicapai oleh Islam dalam menetapkan hukum-hukumnya yang terperinci, sama ada dalam bidang akidah, ibadah, muamalat atau jenayah." (al-Qaradawi, Dirāsah fī Fiqh Maqāṣid al-Shārī'ah, 2006).

Konsep maqasid syariah dibina atas prinsip bahawa setiap hukum dalam Islam tidak hanya bersifat literal atau tekstual, tetapi juga memiliki rasional dan objektif yang bertujuan untuk mewujudkan maslahah (kebaikan) dan menolak mafasadah (kerosakan). Maqasid syariah menjelaskan falsafah di sebalik hukum Islam dan menyediakan kerangka pemikiran untuk memastikan hukum terus relevan dalam pelbagai konteks zaman dan tempat. Secara teoritikal, Maqasid Syariah merupakan satu pendekatan holistik dalam memahami, mentafsir dan mengaplikasikan hukum Islam yang mengutamakan nilai, tujuan, dan maslahah berbanding literal teks semata-mata. Ia menjadi kerangka epistemologi dan metodologi dalam proses ijtihad kontemporari. Maqasid Syariah bukan sekadar satu teori normatif dalam wacana usul al-fiqh, tetapi ia berfungsi sebagai asas etika, kerangka metodologi dan prinsip penentu dalam pembentukan hukum Islam kontemporari. Peranan maqasid menjadi semakin kritikal dalam era moden dalam merungkai persoalan fiqh semasa seperti hak asasi manusia, demokrasi, ekonomi Islam, bioetika dan kelestarian alam sekitar.

### **Definisi, Konsep Dan Teori Amalan Tadbir Urus Baik**

Tadbir urus didefinisikan sebagai semua proses berkaitan membuat keputusan dan melaksanakan atau tidak melaksanakan sesuatu keputusan. Tadbir urus baik mempunyai lapan sifat utama iaitu penuh rasa amanah dan bertanggungjawab (*accountable*), telus (*transparent*), sedia memberi maklum balas (*responsive*), adil dan meliputi semua pihak (*equitable and inclusive*), berkesan dan cekap (*effective and efficient*), mematuhi kedaulatan undang-undang (*follows the rule of law*), mudah disertai dengan rela hati (*participatory*) dan berteraskan rundingan dan muafakat (*consensus oriented*) (Municipal Association of Victoria et. al., 2014).

Mutakhir ini, terdapat penekanan yang semakin meningkat untuk mempromosikan amalan tadbir urus baik di organisasi awam dan swasta. Universiti sebagai institusi pembelajaran tinggi dan penyebaran ilmu pengetahuan diharapkan dapat memamerkan amalan tadbir urus yang boleh diteladani umum. Tadbir urus baik tidak hanya meningkatkan reputasi dan kredibiliti universiti tetapi juga memperkuatkkan suasana kepercayaan, ketelusan dan akauntabiliti, terutamanya integriti. Nilai integriti dalam tadbir urus ini juga mampu memelihara ekonomi dengan mengurangkan ketirisan. Tadbir urus yang baik juga menekankan prinsip keterangkuman yang bertujuan agar tidak ada pihak yang terpinggir kerana perbezaan jantina, status mahupun kedudukan. Prinsip ini menekankan bahawa setiap individu mempunyai hak untuk memberi pandangan atau berkongsi idea untuk meningkatkan prestasi dan kualiti sesebuah organisasi.(Ramli, 2022). Integrasi maqasid syariah yang merujuk kepada objektif dan prinsip-prinsip tertinggi undang-undang Islam memberikan aspek yang unik untuk menganalisis amalan tadbir urus baik di Universiti Malaysia Sabah. Sesuai dengan agama Islam yang dikenali sebagai satu agama yang syumul (menyeluruh), pengurusan Islam dalam sesebuah organisasi seharusnya selari dengan prinsip-prinsip maqasid syariah yang telah ditetapkan. Maka kajian ini adalah bertujuan untuk mengetahui tahap amalan tadbir urus baik dan mengkaji hubungan serta faktor – faktor yang mempengaruhi amalan tadbir urus baik di dalam organisasi di Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui perspektif maqasid syariah terutamanya dalam aspek akauntabiliti dan integriti.

### **Aplikasi Konsep Maqasid Syariah dalam Amalan Tadbir Urus Baik**

Seiring dengan prinsip pertama dalam maqasid syariah, seseorang pemimpin perlu meletakkan kepentingan agama di tempat yang paling utama dan tertinggi. Pemimpin juga perlu memelihara nyawa dan menganggap bahawa nyawa adalah amanah daripada Allah S.W.T. Prinsip maqasid syariah yang ketiga, menuntut pemimpin untuk bertanggungjawab memelihara akal dengan memberi perlindungan kepada akal manusia daripada berlakunya perkara-perkara yang boleh merosakkan akal fikiran. Seterusnya, pemimpin perlu memelihara harta yang bermaksud melindungi harta kekayaan daripada kehancuran dan peralihan harta ke tangan orang lain dengan cara yang tidak sah. (Arieff Salleh Rosman (t.th.)

Membincangkan konsep maqasid syariah dalam konteks Malaysia, memelihara agama (ad-din) bermakna untuk mengelakkan apa-apa yang mungkin melanggar dan memusnahkan asas-asas, termasuk mempertahankan negara dan kedudukan Islam sebagai agama persekutuan dan agama-agama lain boleh diamalkan secara aman dan harmoni sebagaimana yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan. Sebagai pemerintah, menjadi kewajipan untuk meletakkan kepentingan agama di tempat yang teratas. Pemeliharaan akidah umat Islam adalah perkara utama yang patut diberi perhatian agar ketaatan dan ketakwaan kepada Allah SWT dan RasulNya menjadi keutamaan, serta ketaatan kepada pemimpin turut dititikberatkan (Arieff Salleh Rosman, t.th.).

Memelihara nyawa (*hifz an-nafs*) adalah memelihara maruah, persaudaraan dan kesaksamaan sosial, keadilan, keselamatan hidup, harta dan maruah, pemerintahan yang baik, mengurangkan kadar kemiskinan dan memenuhi keperluan pekerjaan, pengagihan saksama pendapatan dan kekayaan, perkahwinan dan kehidupan keluarga yang stabil, perpaduan sosial dan pengurangan jumlah jenayah serta keamanan dan kestabilan (Arieff Salleh Rosman, t.th.). Sebagai pemerintah, menjadi tanggungjawab kerajaan mengelakkan pertumpahan darah dengan jalan yang tidak benar. Dalam aspek memelihara akal, menurut Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2023), pemeliharaan akal erti memberi perlindungan kepada akal manusia dari apa-apa yang akan merosakkan. Akal wajib dipelihara dan dipupuk dengan nilai-nilai mulia dan ilmu pengetahuan yang bermanfaat. Semua unsur-unsur yang menjurus pada kehilangan dan merosakkan akal serta pemikiran seperti arak, dadah serta filem yang merosakkan, sudah semestinya dibanteras dan dihalang dengan segera.

Konsep memelihara keturunan pula melibatkan perlindungan dan pemeliharaan keturunan. Ini penting untuk membentuk masyarakat yang sihat, produktif dan berkesan. Keturunan wajib dipelihara demi menjaga sistem sosial dalam masyarakat. Apabila keturunan telah rosak dengan sebab menyalahi agama dan tabi'ie manusia seperti penzinaan, liwat, lesbian, gay, dwiseksual dan sebagainya, maka struktur sosial akan menjadi kacau bilau dan akhirnya akan runtuh jalur keturunan yang suci serta merosakkan maruah agama, bangsa dan negara (Rabiatus Adawiya Saat, Iqlima Ibrahim, Nur 'Izzati Mohd Salleh & Nurul Aida Zuber, 2019). Seterusnya memelihara harta bermakna melindungi kekayaan masyarakat daripada kehancuran dan dari peralihan harta ke tangan orang lain dengan cara yang tidak sah termasuk larangan terhadap ketidakadilan, menafikan hak dan sebagainya. Sebagai pemerintah wajib memelihara dan mengharamkan segala bentuk penindasan, amalan riba, penipuan, rasuah, monopoli yang tidak seimbang, cetak rompak, menipu hak intelek, manipulasi pasaran dan segala bentuk penyelewengan atau perkara-perkara yang menzalimi dan merugikan. Hal ini membolehkan pembangunan ekonomi ini boleh dilakukan melalui pengukuhan sumber manusia, pendidikan, kemajuan teknologi, etika kerja, menggubal dasar-dasar kewangan yang betul untuk mempercepatkan pembangunan, akses kepada modal melalui pembiayaan mikro kepada golongan miskin, serta memberi pekerjaan dan peluang pekerjaan (Mohamad Zaidi Abdul Rahman, 2015).

### ***Cabarani Pelaksanaan Amalan Tadbir Urus Baik dalam Organisasi***

Salah satu cabaran terbesar dalam pelaksanaan tadbir urus yang baik adalah kurangnya komitmen daripada pihak pengurusan tertinggi. Tanpa sokongan yang kuat daripada pengurusan atasan, inisiatif tadbir urus pasti tidak akan berjaya. Ini kerana mereka adalah pihak yang bertanggungjawab dalam mewujudkan budaya dan polisi yang menyokong amalan tersebut. Pengabaian nilai-nilai integriti dan keadilan oleh pihak pengurusan boleh membawa kepada ketidakcekapan dan ketidakadilan dalam pengurusan organisasi seterusnya merosakkan imej dan prestasi organisasi (Jill Solomon, 2013). Ketelusan dalam proses pembuatan keputusan dan laporan merupakan salah satu prinsip utama dalam tadbir urus yang baik. Namun begitu, dalam banyak organisasi, kurang ketelusan dalam proses pengambilan keputusan, kewangan atau laporan operasi boleh menimbulkan masalah. Maklumat yang disembunyikan atau tidak jelas boleh menyebabkan keraguan terhadap kejujuran dan keberkesanan tadbir urus. Ini juga boleh menghalang pemegang taruh, pekerja dan pelanggan daripada mempercayai organisasi tersebut.

Salah satu cabaran dalam pelaksanaan tadbir urus yang baik adalah ketidakpatuhan terhadap undang-undang dan peraturan-peraturan yang ditetapkan. Tindakan ini boleh mengganggu integriti proses tadbir urus yang baik dilaksanakan. Korupsi dan rasuah dalam sektor awam atau swasta juga merupakan cabaran besar yang menyebabkan ketidakpatuhan kepada undang-undang dan menjelaskan keberkesanan tadbir urus yang baik (Hammad & Badran, 2013). Pengurusan risiko yang tidak berkesan boleh menjelaskan tadbir urus yang baik. Sekiranya risiko dalam organisasi tidak dikendalikan dengan teliti atau terdapat ketidakseimbangan dalam penilaian risiko, organisasi akan lebih terdedah kepada masalah yang boleh merosakkan imej dan prestasinya. Kegagalan untuk mengenalpasti dan mengurus risiko dengan baik boleh menyebabkan kerugian yang besar, kehilangan peluang atau kerosak reputasi yang serius (Mohammad R. Mollah, 2014). Cabaran dalam pelaksanaan tadbir urus yang baik dalam organisasi juga adalah pelbagai dan kompleks. Justeru organisasi perlu memperkuuhkan komitmen kepimpinan, menyediakan sistem pengawasan yang telus, memperkenalkan latihan etika yang berterusan serta mewujudkan budaya yang mengutamakan keadilan dan tanggungjawab bagi mengatasi cabaran-cabaran ini. Selain itu, organisasi juga perlu mengambil kira kepentingan semua pihak berkepentingan dan berusaha mengurangkan konflik kepentingan serta risiko yang boleh menjelaskan integriti dan keberkesanan tadbir urus.

**Jadual 1: Ringkasan Tinjauan Literatur terhadap Objektif Kajian**

<b>Objektif Kajian</b>	<b>Fokus Literatur</b>	<b>Sumber &amp; Rujukan</b>	<b>Rumusan / Implikasi Kajian</b>
a) Mengenal pasti tahap pelaksanaan integriti dalam tadbir urus di UMS	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Definisi integriti dalam konteks tadbir urus organisasi</li> <li>- Nilai dan prinsip integriti dalam organisasi sektor awam dan IPT</li> <li>- Kepentingan integriti terhadap prestasi dan reputasi institusi</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Ramli (2022)</li> <li>- Jill Solomon (2013)</li> <li>- Hammad &amp; stakeholders Badran (2013)</li> </ul>	Pelaksanaan integriti memberi kesan langsung terhadap keberkesanan tadbir urus dan persepsi universiti.
b) Menganalisis cabaran dan kekangan dalam pelaksanaan integriti berdasarkan laporan dalaman dan persepsi stakeholders	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kekangan dalam pengurusan risiko dan ketidakpatuhan undang-undang</li> <li>- Isu ketelusan dan korupsi dalam organisasi</li> <li>- Peranan pengurusan atasan dalam menjayakan budaya integriti</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Solomon (2013)</li> <li>- Mollah (2014)</li> <li>- Hammad &amp; Badran (2013)</li> </ul>	Cabaran utama pelaksanaan integriti ialah kurang komitmen pengurusan, pengurusan risiko lemah, dan budaya tidak telus.
c) Menilai pelaksanaan tadbir urus baik berdasarkan prinsip-prinsip Maqasid Syariah	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Definisi dan prinsip tadbir urus baik (transparensi, akauntabiliti, keberkesanan, keterangkuman)</li> <li>- Prinsip Maqasid Syariah: al-Shāfi‘ī (al-Muwāfaqāt)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Al-Shāfi‘ī (al-Muwāfaqāt)</li> <li>- Al-Quaradawi (2006)</li> <li>- Arief Salleh</li> </ul>	Maqasid Syariah berperanan sebagai asas Al-nilai untuk menilai sama ada tadbir urus memenuhi matlamat syarak dan hifz al-din, al-nafs, al-aql, al-nasl, al-mal

<b>Objektif Kajian</b>	<b>Fokus Literatur</b>	<b>Sumber &amp; Rujukan</b>	<b>Rumusan / Implikasi Kajian</b>
d) Mencadangkan kerangka penambahbaikan tadbir urus berdasarkan nilai integriti dan Maqasid Syariah	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengurusan Islam dalam Rosman organisasi kontemporari (t.th.)</li> <li>- Ramli (2022)</li> <li>- Arief</li> <li>- Integrasi nilai integriti dan Salleh prinsip maqasid dalam Rosman membentuk sistem tadbir (t.th.) urus Islamik berdasarkan urus berasaskan Islam- Etika dan akauntabiliti Zaidi Abdul yang holistik bagi dalam kepimpinan Islam- Rahman Amalan Rasulullah dan Khulafa' Ar-Rashidin - Yusuf Al- sebagai model tadbir urus Qaradawi (2006)</li> </ul>		<p>Perlunya kerangka tadbir urus Islamik berdasarkan urus maqasid dan nilai integriti yang beretika, telus dan bertanggungjawab.</p>

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini akan menggunakan pendekatan campuran untuk mengumpul data kajian. Penggunaan kaedah ini difikirkan dapat membantu pengkaji memahami isu sebenar yang akan dikaji dengan teliti dan mendalam bagi mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan sebelum ini. Kajian ini menggunakan pendekatan kajian gabungan (mixed methods) yang melibatkan data kualitatif dan data kuantitatif. Kaedah ini dipilih bagi mendapatkan gambaran yang holistik dan menyeluruh tentang amalan tadbir urus baik dari sudut integriti serta hubungannya dengan maqasid syariah di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

### **Rumusan**

Secara keseluruhannya, kajian ini dijangka akan memberikan gambaran yang lebih menyeluruh dan bersepada tentang amalan tadbir urus baik di Universiti Malaysia Sabah dari perspektif maqasid syariah. Dapatan yang dijangka merangkumi penemuan terhadap tahap penerapan prinsip maqasid syariah dalam pengurusan institusi, jurang antara dasar dan pelaksanaan, serta persepsi dan tahap kefahaman warga universiti terhadap nilai integriti dan tadbir urus.

### **Penghargaan**

Saya ingin merakamkan rasa syukur dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dan memberikan sokongan dan dorongan secara langsung atau tidak langsung dalam usaha saya menyiapkan sorotan literatur bagi cadangan penyelidikan ini. Semoga segala usaha dan kebaikan beroleh ganjaran daripada Allah S.W.T.

### **Rujukan**

- Ainul Hayat Abdul Rahman, Fakhri Sungit & Zetty Nur Zuliana Rashed (2020). Kepentingan Amalan Pengurusan Islam dalam Urus Tadbir di Sekolah. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Al-Ghazālī, A. H. M. (1993). *Al-Mustaṣfā min ‘Ilm al-Uṣūl* (2nd ed.). Beirut, Lebanon: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

- Al-Qaradāwī, Y. (2006). *Dirārah fī Fiqh Maqāṣid al-Shari‘ah: Bayn al-Mabādi’ al-Naẓariyyah wa-Taṭbīqātiḥā al-‘Amaliyyah*. Cairo, Egypt: Maktabah Wahbah.
- Al-Shāṭibī, I. I. M. (2005). *Al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Shari‘ah* (4th ed.). Cairo, Egypt: Dār al-Ma‘arif.
- Arieff Salleh Rosman (t.th.). Urus Tadbir Rabbani ke Arah Pencapaian Maqasid Syariah. Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
- Habibullah, A., Din, X., & Hamid, Y. (2016). Tadbir urus baik dan peranan amalan perakaunan pengurusan: Tinjauan di organisasi pelancongan negara. National Tourism Organization.
- Holmberg, S., & Rothstein, B. (2011). Good Government and Corruption in Comparative Perspective: A cross-national analysis. In *Governance and corruption:Economics approaches*.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2021). Bahagian Maqasid Syariah: Huraian Aplikasi 5 Prinsip Maqasid Syariah dalam Tadbir Urus. Retrieve from <https://www.islam.gov.my/ms/bahagian-maqasid-syariah/huraian-aplikasi-5-prinsip-maqasid-syariah-dalam-tadir-urus>
- Mohamad Zaidi Abdul Rahman (2015). Aplikasi Maqasid Al-Syari‘ah dalam Pentadbiran Negara: Satu Tinjauan Sejarah Islam.
- Mokhtar Ismail (2015). Kelebihan dan Manfaat Tadbir Urus Baik serta Perkhidmatan Berkualiti kepada Strategi Pemasaran Institusi Pengajian Tinggi Islam (IPTI). Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Mohammad R. Mollah (2014). The Challenges of Corporate Governance in Developing Countries. *International Journal of Islamic and Middle Eastern and Management*.
- Municipal Association of Victoria, Victorian Local Governance Association, & Local Government Victoria. (2014). *Good Governance Guide for Local Government*. Melbourne: MAV.
- Rabiati Adawiya Saat, Iqlima Ibrahim, Nur ‘Izzati Mohd Salleh & Nurul Aida Zuber (2019). Maqasid Syariah dalam Tadbir Urus: Proceedings of the International Conference on Islamic Civilization and Technology Management. Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).
- Rozaina Ali, Ahmad Shaharudin Abdul Latiff & Sazali Abdul Wahab (2023). Revitalizing Public Trust through Efficient Complaint Management: A Comprehensive Studyon the Impact and Effectiveness of Public Complaint Management System in Malaysia. *Proceedings of Society 5.0 Conference 2023*. Volume 93, 2023, Pages 9–20.
- Sharul Azman Ramli (2022). Mempertingkatkan Tadbir Urus Sektor Awam. Universiti Putra Malaysia (UPM).
- Solomon, J. (2013). *Corporate Governance and Accountability* (4th ed.). Wiley.